



## **NOTIS MAKLUMAN**

### **PEMBUKAAN SEMULA DASAR PENGGAJIAN PEKERJA ASING MELALUI KAEDAH PENGGANTIAN MEMO PERIKSA KELUAR (*CHECK OUT MEMO – COM*).**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk membuka permohonan pekerja asing melalui kaedah **Penggantian Memo Periksa Keluar (*Check Out Memo – COM*)** untuk **SEMUA SEKTOR** dan permohonan boleh mula dikemukakan ke Pusat Kelulusan Setempat (*One Stop Centre – OSC*) Kementerian Dalam Negeri (KDN) bermula pada **1 JULAI 2019**.

2. **Syarat-syarat permohonan penggantian adalah seperti berikut:**

- 1) Majikan perlu mendapatkan **SURAT PENGESAHAN KELUAR** daripada **Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)** ibu pejabat atau Pejabat Imigresen Negeri bagi COM yang dikemukakan;
- 2) Majikan perlu mendapatkan **SURAT PERAKUAN Permohonan Penggantian Pekerja Asing (PGPA)** daripada **Pejabat Tenaga Kerja (PTK) Cawangan** Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM);

*(Permohonan perkara 2(1) dan 2(2) boleh dikemukakan secara serentak di JIM dan PTK Cawangan)*

- 3) Majikan perlu mengemukakan **Borang Permohonan** dan **Salinan dokumen lengkap** berdasarkan **Senarai Semak Permohonan Penggantian** dan membawa **dokumen asal** untuk semakan di kaunter dan kegunaan semasa proses temuduga;
- 4) **Hanya Majikan** atau **Wakil Majikan** (Eksekutif / Pengurus ke atas sahaja) yang tersenarai dalam penyata KWSP terkini dibenarkan untuk mengemukakan permohonan dan menjalani proses temuduga;
- 5) Temuduga dilaksanakan oleh **panel Agensi Kawal Selia (AKS)** dari kementerian yang berkaitan mengikut sektor dan jadual temuduga;
- 6) Jumlah kelulusan kuota penggantian pekerja asing ditentukan berdasarkan **kelayakan semasa dan keperluan sebenar** syarikat mengikut penilaian oleh panel AKS;
- 7) Penggantian **tidak dipertimbangkan** bagi pekerja yang **pulang secara tidak teratur atau lari**;
- 8) COM yang dipertimbangkan adalah **tahun 2016 dan ke atas sahaja** dan COM yang dikemukakan mestilah **selepas tarikh kelulusan terakhir** yang diperolehi majikan **KECUALI** bagi permohonan **penggantian sektor beku\***. COM yang layak dipertimbangkan **bagi sektor beku adalah 10 tahun** dari tarikh permohonan dan tertakluk pada tarikh kelulusan terakhir majikan;
- 9) Pekerja di bawah **Program 6P, FORMS, Program Rehiring, Syarikat Outsourcing, Pembantu Rumah, Pertukaran Majikan dan Pas Lawatan Sosial** adalah **tidak dibenarkan**.
- 10) Keputusan yang dikeluarkan OSC KDN adalah **muktamad**.

**\* Sektor Beku:**

- i) Perniagaan Borong dan Runcit;
- ii) Dobi;
- iii) Tukang Gunting;
- iv) Tukang Emas;
- v) Perniagaan Tekstil;
- vi) Barangan Logam / Lusuh / Terpakai; dan
- vii) Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti @ Rumah Kebajikan.

3. Syarat-syarat dan proses permohonan penggantian ini adalah tergunapakai ke atas **semua sektor** samada sektor yang dibenarkan pengajian pekerja asing atau sektor beku.

4. **Carta alir** dan **tempoh masa proses** bagi permohonan penggantian adalah seperti di **Lampiran A**.

5. **Jadual temuduga** mengikut sektor permohonan adalah seperti di **Lampiran B**.

6. Borang dan senarai semak permohonan boleh dimuat turun dari laman portal Kementerian Dalam Negeri di alamat <http://www.moha.gov.my> (*Borang dan Senarai Semak Pengurusan Pekerja Asing*).

Sekian, terima kasih.


**BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**24 JUN 2019**

## LAMPIRAN A

### PERMOHONAN PENGAMBILAN PEKERJA ASING MELALUI PENGANTIAN MEMO PERIKSA KELUAR (*CHECK OUT MEMO - COM*)

#### CARTA ALIR



## LAMPIRAN B

### JADUAL TEMUDUGA PERMOHONAN PENGGANTIAN PEKERJA ASING:

| BIL | SEKTOR  | AGENSI KAWAL SELIA  | HARI            |
|-----|---|---|-----------------|
| 1.  | <b>Perkilangan</b>                                    | Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)                    | Isnin - Jumaat  |
| 2.  | <b>Pembinaan</b>                                      | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Kementerian Kerja Raya (KKR) | Isnin - Khamis  |
| 3.  | <b>Perladangan</b>                                    | Kementerian Industri Utama (KPI)  | Isnin - Selasa  |
| 4.  | <b>Pertanian</b>                                      | Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)                          | Selasa - Khamis |
| 5.  | <b>Perlombongan dan Pengkuarian</b>                   | Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS)                               | Jumaat          |
| 6.  | <b>Perkhidmatan:</b>                                  |   |                 |
|     | Restoran  | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)       | Isnin - Jumaat  |
|     | Pembersihan dan Pencucian                             |   |                 |
|     | Perniagaan Borong dan Runcit                          |   |                 |
|     | Dobi  |   |                 |
|     | Tukang Gunting  |   |                 |
|     | Tukang Emas   |   |                 |
|     | Perniagaan Tekstil                                    |   |                 |
|     | Pelancongan   | Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)                            | Jumaat          |
|     | Pengendalian Kargo                                    | Kementerian Pengangkutan (MOT)  | Isnin - Khamis  |
|     | Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti (Rumah Kebajikan) | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)             | Jumaat          |

|  |                                      |  |        |
|--|--------------------------------------|--|--------|
|  | Barangan Logam /<br>Lusuh / Terpakai | Bahagian Keselamatan,<br>Kementerian Dalam Negeri<br>(KDN) | Jumaat |
|--|--------------------------------------|--|--------|